Najib Mahu Rakyat Sokong BN Agar Matlamat Majukan Pengangkutan Awam Tercapai
Bernama
26 April, 2013

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mahu rakyat terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) agar matlamat untuk memajukan pengangkutan awam di negara ini dapat dicapai.

Najib, di dalam laman Facebooknya Jumaat berkata BN merangka satu perubahan secara tersusun agar sistem pengangkutan awam di negara ini dapat terus ditingkatkan.

"Kami di BN sedar bahawa sistem pengangkutan awam adalah penting buat rakyat di negara ini," katanya sambil berkongsi pengalaman menaiki bas RapidKuantan semalam.

Beliau berkata sepanjang pengalaman menaiki bas itu, beliau dapat merasakan betapa sistem pengangkutan awam kini telah menjadi semakin baik.

Katanya, Terminal Sentral Kuantan yang terletak di Bandar Indera Mahkota yang akan memulakan operasi Jun ini, dibina bagi meningkatkan lagi taraf kehidupan penduduk di sekitar Kuantan.

"Terminal itu merupakan satu mercu tanda baharu kepada pembangunan pesat di Kuantan apabila ia siap sepenuhnya pada Jun depan," katanya.

Ketika mengadakan lawatan kerja di terminal itu semalam, Najib berkata transformasi pengangkutan awam penting bagi negara mencapai status negara maju, dan keberkesanannya membolehkan rakyat di bandar dan luar bandar menikmati hidup yang lebih selesa.

Terminal yang dibina dengan kos RM55 juta itu mampu menempatkan 46 buah bas pada satu-satu masa serta mempunyai kemudahan 354 petak meletak kenderaan dan 170 petak meletak motosikal, medan selera dan dua unit restoran makanan segera.

-- BERNAMA
Copyright © 2013 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945501